

GUNUNG BROMO

TARIKAN UTAMA SURABAYA

Surabaya bukanlah destinasi percutian Indonesia paling popular, jika hendak dibandingkan dengan Jakarta, Bali, Bandung ataupun Yogyakarta. Ini kerana masih ramai yang tidak tahu tarikan tersembunyi para pelancong di kota kedua terbesar Indonesia.

Teks NOOR AIN NORMAN





Gunung Bromo merupakan destinasi paling mendapat tumpuan utama di daerah Jawa Timur. Dengan ketinggian 2,329 meter dari aras laut, keindahan gunung berapi ini memang tidak boleh disangkal.

Penulis memilih untuk bermalam di perkampungan Bromo. Oleh sebab itu, perjalanan haruslah bermula seawal jam 3 pagi bagi memastikan kami tidak ketinggalan menyaksikan momen matahari terbit.

Suasana di kaki bukit dipenuhi dengan beratus-ratus jeep yang membawa pelancong ke lokasi tersebut. Memang agak sesak, namun pengalaman ini telah memberikan detik manis setelah pulang ke tanah air. Yang penting, jangan lupa memakai baju tebal kerana suhu di sana turun mendadak pada waktu pagi!

Selesai saja matahari terbit, kumpulan kami dibawa terus ke Gunung Bromo. Waktu ini agak

mencabar sedikit. Jika memilih untuk berjalan kaki dari kaki bukit, kamu akan terasa mengah sedikit kerana pengunjung perlu menaiki anak tangga pula untuk sampai ke puncak gunung berapi.

Jika stamina dan fizikal tidak mengizinkan, kamu masih mempunyai alternatif untuk menunggang kuda sehingga ke kaki Gunung Bromo. Perkhidmatan kuda ini disediakan dengan kadar upah sekitar 150,000 rupiah atau RM45.

Apa yang menariknya, sepanjang perjalanan ke Gunung Bromo, kami sempat singgah di beberapa *checkpoint* dengan pemandangan cantik untuk mengambil foto kenangan seperti di Bukit Teletubbies, padang rumput (savanah) dan Pasir Berbisik. Ini wajib ada di dalam itenarari kamu!

Sudahlah keadaan sekelilingnya sejuk, rasa lelah berjalan pun terus hilang.

Sewa jeep di kaki Gunung Bromo



Air terjun Madakaripura

Air terjun setinggi 200 meter ini merupakan yang tertinggi di Pulau Jawa dan kedua tertinggi di Indonesia. Lokasi air terjunnya yang agak sedikit terceruk daripada pandangan luar memerlukan pengunjung untuk berjalan kaki sekitar 20 minit sebelum tiba di kaki air.

Segala kepenatan itu hilang sebaik sahaja penulis mendengar bunyi deruan air terjun dan melihat keindahan tempat tersebut. Jika ingin ke sini, pastikan kamu siap-siap membawa baju hujan dan selipar getah kerana kamu bakal menempuhi kawasan berair sepanjang perjalanan.

Taman Langit, Bukit Paragliding, Umah Kayu

Terletak di sebuah lokasi yang sama, ketiga-tiga tempat ini mempunyai tarikan tersendiri. Taman Langit dan Umah Kayu adalah lokasi khas merakamkan foto kerana terdapat pelbagai prop yang direka khas untuk pengunjung.

Sementara itu, Bukit Paragliding pula sesuai bagi pengunjung yang sukakan aktiviti lasak. Harga satu terjunan *paragliding* ini jauh lebih murah jika mahu dibandingkan dengan di Malaysia. Harganya hanya sekitar 450,000 rupiah iaitu RM127.



Air terjun Madakaripura



Petik Apel





Tidak perlu ke Australia jika mahu pengalaman memetik buah epal. Walaupun epal di Surabaya tidaklah segebu dan jauh lebih kecil berbanding epal Aussie, rasanya masih enak untuk dikunyah manis-manis belaka!

Di sini, kamu boleh mengunyah epal seberapa banyak yang mampu tanpa perlu dicaj kerana hanya caj tiket masuk yang dikenakan. Namun sekiranya ingin membawa pulang epal yang dipetik, ia akan dikira mengikut berat sekilogram.

Kampung Jodipan

Kampung Jodipan yang terletak di Malang terkenal dengan penduduknya yang mencari wang pendapatan dengan mengecat perkampungan mereka. Sewaktu kamu sibuk mengambil foto di dinding rumah berwarna-warni ini, akan adalah penduduk tempatan yang cuba menjual jajan. Normal lah.

Kos 5 hari 4 malam di Surabaya hanyalah sekitar RM641 termasuk penginapan dan kos jeep ke Gunung Bromo.



Kampung Jodipan

Bukit Jaddih, Madura

Perjalanan dari pekan Surabaya ke Madura hanya mengambil masa kira-kira 30 minit. Alang-alang sudah berada di Surabaya, jom singgah sekejap ke Bukit Jaddih yang juga merupakan bukit batu kapur. Sewaktu penulis ke sana, nampaknya mereka masih menambah baik kawasan ini. Jika tidak, pasti kami berpeluang untuk melihat danau birunya.

Nah, rugi kalau berada di Surabaya dan hanya ke Gunung Bromo saja. Sebenarnya ada beberapa lagi tempat yang tidak sempat penulis *explore* seperti Kawah Ijen. InsyaAllah jika diberi kesempatan lagi, sudah pasti Surabaya menjadi tempat untuk dikunjungi semula.